A

Yong Choo Kiong lwn Pendakwa Raya

B MAHKAMAH TINGGI (IPOH) — PERMOHONAN JENAYAH NO AA-44–74–11 TAHUN 2019
MOHD RADZI PK
24 JANUARI 2020

C *Prosedur Jenayah — Bidang kuasa mahkamah — Pemindahan perbicaraan — Permohonan untuk memindahkan perbicaraan dari mahkamah sesyen ke Mahkamah Tinggi — Sama ada terdapat isu undang-undang kompleks — Sama ada terdapat keperluan pelaksanaan keadilan — Sama ada timbul sebarang prejudis kepada responden — Kanun Tatacara Jenayah s 417*

D

Permohonan ini dibuat oleh pemohon, Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Perak, untuk mahkamah ini memindah perbicaraan jenayah dari mahkamah sesyen ke Mahkamah Tinggi, menurut peruntukan sub-s 417(2) dan perenggan 417(1)(cc) Kanun Tatacara Jenayah ('KTJ'). Pemohon sedang E menghadapi tuduhan di bawah s 376 Kanun Keseksaan di mahkamah sesyen Ipoh. Permohonan dibuat atas alasan: (a) terdapat isu undang-undang yang kompleks, berasaskan perenggan 417(1)(b) KTJ; (b) kepentingan keadilan, berasaskan perenggan 417(1)(e) KTJ; dan (c) tidak menimbulkan sebarang prejudis kepada responden, berasaskan tiada mana-mana perenggan di bawah F s 417 KTJ.

Diputuskan, menolak permohonan dan mengarahkan kes didengar semula di hadapan hakim mahkamah sesyen:

G (1) Takat atau ambang atau 'threshold' bagi menentukan 'question of law of unusual difficulty is likely to arise' yang dinyatakan dalam perenggan 417(1)(b) KTJ amat sukar untuk dipenuhi dan jarang sekali dapat dipenuhi, kecuali dapat ditunjukkan bahawa isu undang-undang yang dijangka akan dibangkitkan di mahkamah di bawah adalah luarbiasa H kerumitannya, setelah mengambilkira segala faktor. Isu undang-undang yang dijangka akan timbul semasa perbicaraan pemohon di hadapan hakim mahkamah sesyen bukanlah luarbiasa kepayahannya. Ia tidak mematuhi kehendak perenggan 417(1)(b) KTJ dan tidak membolehkan mahkamah mengguna pakai kuasa di bawah sub-s 417(2) dan perenggan I 417(1)(cc) KTJ untuk memindahkan kes pemohon ke Mahkamah Tinggi (lihat perenggan 30 & 34).

(2) Perbezaan utama fakta dalam kes *Dato' Sri Mohd Najib bin Hj Abdul Razak v Public Prosecutor* [2019] 5 MLJ 44 tersebut dengan fakta kes ini ialah bahawa pemindahan dalam kes tersebut adalah antara suatu

Mahkamah Tinggi ke suatu Mahkamah Tinggi lain, merupakan suatu pemindahan atas inisiatif Hakim Mahkamah Tinggi berkenaan sendiri, atas beberapa faktor termasuklah tujuan kepentingan keadilan. 'Public interest' yang disebutkan bukanlah merujuk kepada kedudukan Dato' Sri Mohd Najib sebagai mantan Perdana Menteri semata-mata, tetapi berdasarkan keperluan keadilan setelah meneliti pelbagai faktor khusus yang terpakai dalam konteks kes tersebut serta untuk memastikan kes tersebut tidak bermula lewat, selain mengambil kira keseriusan pertuduhan-pertuduhan terhadap Dato' Sri Mohd Najib. Semua faktor sedemikian tidak wujud dalam konteks kes pemohon dan 'the expediency(ies) to meet the ends of justice' seperti diperuntukkan dalam perenggan 417(e) KTJ gagal ditunjukkan oleh pemohon untuk membolehkan mahkamah ini membenarkan permohonannya (lihat perenggan 38 & 40).

(3) Jika permohonan pemohon dibenarkan ia tidak menimbulkan sebarang prejudis kepada pihak pendakwaan, terutamanya apabila pihak pendakwaan sendiri menukar pendiriannya untuk tidak membantah permohonan ini. Namun faktor ini semata-mata tidak boleh membuatkan mahkamah ini memutuskan untuk membenarkan permohonan ini. Selain itu, tiada peruntukan dalam s 417 KTJ yang membenarkan mahkamah ini membenarkan permohonan ini atas alasan ini semata-mata (lihat perenggan 45).

(4) Isu yang dibangkitkan oleh pihak pemohon bagi menyokong permohonannya yang bukan merupakan isu undang-undang merupakan isu yang tidak wajar dan tidak relevan dibangkitkan di hadapan mahkamah ini sebagai alasan bagi menyokong permohonan ini (lihat perenggan 46).

[English summary

This application was made by the applicant, a Member of the Perak State Government Council, for this court to transfer the criminal trial from the sessions court to the High Court, in accordance with the provisions of sub-s 417(2) and para 417(1)(cc) of the Criminal Procedure Code ('the CPC'). The applicant was facing charges under s 376 of the Penal Code in the Ipoh sessions court. The application was made on the grounds that: (a) there was a complex legal issue, based on para 417(1)(b) of the CPC; (b) the interests of justice, in accordance with para 417(1)(e) of the CPC; and (c) would not cause any prejudice to the respondent, on the basis of the absence of any paragraph under s 417 of the CPC.

Held, dismissing the application and ordering the case to be reheard before the sessions court judge:

(1) The point or threshold for determining the 'question of law of unusual

difficulty is likely to arise' described in para 417(1)(b) of the CPC was extremely difficult to meet and rarely met, unless it could be shown that the legal issues that was expected to be brought up in the court below was unusually complicated, after considering all the factors. The legal issues that was expected to arise during the applicant's trial before the sessions court judge was not unusual in its scope. It did not comply with the requirements of para 417(1)(b) of the CPC and did not allow the court to exercise the power under sub-s 417(2) and para 417(1)(cc) of the CPC to transfer the applicant's case to the High Court (see paras 30 & 34).

(2) The main difference between the facts in the case of *Dato' Sri Mohd Najib bin Hj Abdul Razak v Public Prosecutor* [2019] 5 MLJ 44 and the fact of this case was that the transfer in the case was between one High Court to another High Court, constituted a transfer of the High Court's own initiative, for a number of factors including the interest of justice. The 'public interest' stated did not refer to Dato' Sri Mohd Najib's position as the former Prime Minister alone, but rather to the demands of justice after examining various specific factors that were applied in the context of the case and to ensure that the case did not start late, and also taking into account the seriousness of the charges against Dato' Sri Mohd Najib. All such factors did not exist in the context of the applicant's case and 'the expediency(ies) to meet the ends of justice' as provided in para 417(e) of the CPC failed to be shown by the applicant to allow this court to grant his application (see paras 38 & 40).

(3) If the applicant's application was granted it did not create any prejudice to the prosecution, especially when the prosecution itself changed its position to refute the application. But this factor alone could not make this court to decide to allow this application. In addition, there was no provision in s 417 of the CPC which allowed this court to grant this application on this ground alone (see para 45).

(4) The issue raised by the applicant to support his application which was not a legal issue was an unreasonable and irrelevant issue raised before this court as a ground for support of this application (see para 46).]

Kes-kes yang dirujuk

Dato' Sri Mohd Najib bin Hj Abdul Razak v PP [2019] 5 MLJ 44; [2019] 8 CLJ 293, MP (dirujuk)
Dato' Sri Mohd Najib Hj Abdul Razak v PP [2019] 5 CLJ 293, MR (dirujuk)
Lee Kwan Woh v PP [2009] 5 MLJ 301, MP (dirujuk)
Lin v PP [1987] 1 MLJ 106; [1987] CLJ Rep 1104 (dirujuk)
PP v Atik Hussin bin Abu Bakar and other cases [2016] MLJU 968; [2017] 1 SSLR 197, MT (dirujuk)
PP v Dato Kee Yong Wee & Ors [1988] 2 MLJ 198; [1987] 2 CLJ 329 (dirujuk)
PP v Dato' Yap Peng [1987] 2 MLJ 311; [1987] 1 CLJ 550, MA (dirujuk)

United Hokkien Cemetries, Penang v The Board, Majlis Perbandaran Pulau Pinang [1979] 2 MLJ 121, MP (dirujuk)

Undang-undang yang dirujuk

Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-Langkah Khas) 2012
Akta Mahkamah Kehakiman 1964 s 25, Jadual, perenggan 12
Akta Perlindungan Saksi 2009
Kanun Keseksaan s 376
Kanun Tatacara Jenayah ss 112, 138, 177, 265A, 376, 417, 417(1)(b), (1)(cc), (1)(e), (2), 418A
Perlembagaan Persekutuan

Rajpal Singh Mukhtiar Singh (Salim Bashir Bhaskaran, Muhammad Farhan bin Sapian dan Raja Nur Hanani Raja Abd Rahman bersamanya) (Leong & Tan) bagi pihak pemohon.
Azhar Mokhtar (Ainul Wardah Shahidan dan Naidatul Athirah Azman bersamanya) (Timblan Pendakwa Raya, Pejabat Penasihat Undang-Undang Negeri Perak) bagi pihak responden.

Mohd Radzi PK:

LATAR BELAKANG

[1] Permohonan di kandungan 1 bertarikh 13 November 2019 adalah dibuat oleh pemohon, Yong Choo Kiong, Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Perak, untuk mahkamah ini memindah Perbicaraan Jenayah No AA-61JS-1–08 Tahun 2019 dari mahkamah sesyen ke Mahkamah Tinggi, menurut peruntukan sub-s 417(1)(cc) dan (2) Kanun Tatacara Jenayah ('KTJ').

[2] Pemohon sedang menghadapi tuduhan di bawah s 376 Kanun Keseksaan di Mahkamah Sesyen Ipoh dengan pertuduhan yang berbunyi:

> Bahawa kamu pada 7/7/2019 di antara jam lebih kurang 8.15 malam hingga 9.15 malam, di dalam sebuah bilik di tingkat atas dalam rumah bernombor 52, Jalan Desa Meru 2, Meru Desa Park, Bandar Meru Raya, 30020 Ipoh, di dalam Daerah Kinta, di dalam Negeri Perak telah melakukan rogol terhadap Awang, No Pasport AU359249 dan dengan itu kamu telah melakukan suatu kesalahan yang boleh dihukum di bawah seksyen 376(1) Kanun Keseksaan.

[3] Permohonan ini dibuat atas alasan:

(a) terdapat isu undang-undang yang kompleks, berasaskan s 417(1)(b) KTJ;

(b) kepentingan keadilan, berasaskan s 417(1)(e) KTJ; dan

(c) tidak menimbulkan sebarang prejudis kepada responden, berasaskan tiada mana-mana perenggan di bawah s 417 KTJ.

[4] Timbalan pendakwa raya ('TPR'), walaupun dalam afidavitnya membantah permohonan ini, namun semasa perbicaraan permohonan ini telah memaklumkan mahkamah bahawa pihak pendakwaan tidak membantah permohonan pemohon.

[5] Setelah meneliti permohonan ini dan setelah mendengar hujahan peguam pemohon serta TPR, mahkamah ini memutuskan untuk menolak permohonan ini.

[6] Pemohon sekarang merayu terhadap keputusan mahkamah ini dan berikut saya nyatakan alasan bagaimana saya memutuskan sedemikian.

ALASAN PERMOHONAN

[7] Afidavit pemohon yang diikrarkan pada 13 November 2019 menyatakan sebab-sebab utama berikut bagi menyokong permohonannya:

(a) pada 11 November 2019, tarikh bicara pertama kes pemohon di hadapan hakim mahkamah sesyen yang bijaksana ('HMS'), pihak pendakwa raya telah menyatakan hasratnya buat kali pertama untuk menggunakan Akta Perlindungan Saksi 2009 ('APS 2009') bagi seorang saksi awam, iaitu Haniff bin Mohamad Wahab, selain menggunakan peruntukan APS 2009 itu untuk pengadu/mangsa yang dirujuk dalam pertuduhan sebagai 'Awang';

(b) penggunaan APS 2009 tersebut mempunyai implikasi yang sangat memprejudiskan pemohon sebagai tertuduh dan mana-mana tertuduh di masa hadapan bagi kes sebegini. Pemohon membantah penggunaan APS 2009 setelah dimaklumkan oleh peguamnya bahawa ini merupakan kali pertama peruntukan APS 2009 digunakan bagi kes jenayah yang bukan berbentuk jenayah keselamatan;

(c) salah seorang dari barisan peguam yang mewakili pemohon, YB Leong Cheok Keng, telah dinasihatkan oleh pihak pendakwa raya untuk menarik diri dari mewakili pemohon kerana YB Leong Cheok Keng merupakan seorang saksi. Susulan itu, YB Leong Cheok Keng bercadang untuk merujuk perkara ini kepada Mahkamah Tinggi bagi menentukan sama ada beliau layak bertindak sebagai peguamcara pemohon;

(d) memandangkan isu-isu perundangan yang di sebutkan di atas serta isu-isu perundangan lain yang akan timbul pada masa hadapan, adalah

wajar jika Mahkamah Tinggi yang mendengar permohonan/perbicaraan mengenai isu-isu tersebut untuk memastikan keadilan perbicaraan seperti diperuntukkan dalam Perlembagaan Persekutuan; dan

(e) disebabkan wujud isu-isu perundangan yang terlalu rumit (*unusual difficulties*) yang kemungkinan timbul iaitu khususnya berkisar tiga perkara berikut yang perlu diputuskan oleh Mahkamah Tinggi dan bukannya mahkamah sesyen:

(i) penggunaan APS 2009 bagi saksi-saksi tertentu;

(ii) perjumpaan ibu dengan 'Awang'; dan

(iii) penentuan YB Leong Cheok Keng sebagai peguamcara pemohon, maka pelupusan pertuduhan pemohon hendaklah dibicarakan di Mahkamah Tinggi.

[8] Pihak pendakwa raya dalam afidavit jawapannya yang diikrarkan oleh TPR Azhar Mokhtar pada 20 November 2019, mendeposkan yang berikut:

(a) pada tarikh 11 November 2019 yang disebutkan dalam afidavit pemohon, sebenarnya pihak pendakwaan buat pertama kali menyatakan hasrat menggunakan APS 2009 terhadap Haniff sahaja dan bukannya terhadap Hanif dan 'Awang'. Ini kerana isu penggunaan APS 2009 terhadap 'Awang' telahpun dibangkitkan oleh pihak pendakwaan pada tarikh sebutan sebelum itu iaitu 22 Oktober 2019 bilamana kedua-dua pihak telahpun bersetuju untuk keterangan 'Awang' direkodkan secara *in camera*;

(b) penggunaan APS 2009 tidak akan memprejudiskan pemohon dan bakal pesalah lain dan merupakan suatu kenyataan yang pramatang;

(c) APS 2009 tidak hanya terhad kepada kes-kes jenayah keselamatan semata-mata kerana hasrat Parlimen semasa menggubal APS 2009 adalah untuk memberi perlindungan kepada mana-mana saksi dalam mana-mana kes jenayah jua;

(d) deposisi pemohon mengenai peguamnya YB Leong Cheok Keng adalah diakui kerana rakaman percakapan beliau di bawah s 112 KTJ telah dibuat. Ini bermakna beliau boleh dipanggil sebagai saksi pihak pendakwaan pada bila-bila masa; dan

(e) permohonan pemohon tidak wajar dibenarkan oleh mahkamah ini kerana ketiga-tiga isu yang dinyatakan oleh pemohon bukanlah isu undang-undang yang rumit, malahan isu-isu tersebut telahpun diputuskan oleh HMS.

[9] Pemohon dalam afidavit jawapannya yang diikrarkan pada 22 November 2019 mendeposkan:

(a) pada tarikh 22 Oktober 2019 yang dinyatakan dalam afidavit TPR Azhar Mokhtar, peguam pemohon telah membantah penggunaan APS 2009 terhadap 'Awang';

(b) pada tarikh tersebut pihak pendakwaan sebenarnya telah memohon agar keterangan 'Awang' dibuat secara 'video link'. Setelah peguam pemohon membantah penggunaan 'video link' kerana tidak diperuntukkan dalam APS 2009, dan setelah peguam pemohon memohon supaya 'Awang' memberi keterangan secara *in camera*, pihak pendakwaan telah bersetuju untuk keterangan 'Awang' dibuat secara in camera;

(c) bantahan peguam pemohon pada 22 Oktober 2019 bukan semata-mata atas penggunaan 'video link' tetapi membantah atas niat pihak pendakwaan mengguna pakai APS 2009 untuk membolehkan keterangan mangsa dibuat secara 'video link', sedangkan tiada peruntukan sedemikian dalam APS 2009. Oleh itu pihak pemohon telahpun membantah penggunaan APS 2009 terhadap 'Awang';

(d) cadangan peguam pemohon untuk keterangan 'Awang' dibuat secara *in camera* tiada kaitan dengan pemakaian APS 2009. Disebabkan itulah pihak pemohon telah menyatakan bantahan penggunaan APS 2009 terhadap 'Awang' dan seorang lagi saksi Haniff pada tarikh 11 November 2019;

(e) penggunaan APS 2009 perlu melalui proses seperti diperuntukkan dalam Akta tersebut dan penggunaannya hanyalah berkisar kepada kes-kes tertentu melibatkan kesalahan berat dan jenayah terancang;

(f) penggunaan APS 2009 dalam kes seperti dihadapi pemohon akan mengakibatkan pemohon mengalami kekangan terutama semasa menyoal-balas saksi-saksi yang menjurus kepada identiti mereka, dan menimbulkan ketakdilan kepada pemohon kerana perbicaraanya perlu melalui proses perbicaraan yang melibatkan prosedur janggal (*out of ordinary*) dengan penggunaan APS 2009, tidak seperti kes bagi pertuduhan s 376 yang lain;

(g) jelaslah pengunaan APS 2009 serta isu-isu lain yang bakal timbul sepanjang perbicaraan pemohon akan membangkitkan persoalan undang-undang yang terlalu rumit yang memerlukan panduan Mahkamah Tinggi untuk memutuskannya; dan

(h) keperluan kes ini dipindahkan ke Mahkamah Tinggi adalah perlu dengan mengambil kira juga faktor pemohon adalah seorang ahli Exco Kerajaan Negeri Perak, dan kes terhadapnya ini mendapat liputan media yang luas.

PENDIRIAN PENDAKWA RAYA

[10] Pada tarikh perbicaraan permohonan ini, TPR telah memaklumkan mahkamah bahawa walaupun pihak pendakwaan telah memfailkan afidavit yang jelas menyatakan bantahan terhadap permohonan pemohon ini, namun setelah beliau meneliti segala dokumen yang dikemukakan oleh pihak pemohon, pihak pendakwaan telah mengubah pendiriannya dan mengambil pendirian untuk tidak membantah permohonan pemohon.

[11] Apabila ditanya oleh mahkamah sama ada pihak pendakwaan bercadang untuk memfailkan permohonan menurut s 418A KTJ, TPR memaklumkan mahkamah bahawa pihak pendakwaan tidak bercadang berbuat demikian.

[12] Peguam pemohon berhujah bahawa walaupun mahkamah mempunyai budibicara sepenuhnya untuk membuat keputusan mengenai permohonan ini, pada kebiasaannya mahkamah akan lebih cenderung untuk membenarkan permohonan sebegini apabila kedua-dua pihak mencapai persetujuan.

HUJAHAN PIHAK-PIHAK

[13] Dalam hujahannya, peguam pemohon membangkitkan semula perkara-perkara yang dinyatakan oleh pemohon dalam afidavit seperti yang telah dititipkan di perenggan awal di atas. Secara ringkasnya, hujahan peguam pemohon mengkhusus kepada perkara-perkara berikut:

(a) permohonan ini dibuat dengan merujuk kepada s 417(1)(b) dan 417(1)(e) KTJ;

(b) penggunaan APS 2009 — pendakwaan memutuskan untuk menggunakan APS 2009 terhadap dua saksi, iaitu mangsa yang dinamakan 'Awang' dan seorang saksi awam, Haniff. Dengan merujuk kepada *Hansard* Parlimen pada tarikh 23 Mac 2009 semasa pembentangan Rang Undang-Undang Perlindungan Saksi 2009, YB Dato' Seri Nazri Abdul Aziz, Mantan Menteri di Jabatan Perdana Menteri dikatakan telah memaklumkan Parlimen bahawa niat Parlimen menggubal APS 2009 adalah lebih kepada jenayah terancang dan kes-kes melibatkan kanak-kanak, sama seperti yang ada dalam Akta SOSMA. Maka, untuk APS 2009 digunakan dalam kes seksual bukan sahaja memprejudiskan pemohon tapi membuka 'floodgates' bagi kes-kes seksual pada masa hadapan;

(c) isu berkaitan APS 2009 ini adalah isu perundangan yang rumit yang perlu didengar oleh Mahkamah Tinggi;

(d) mahkamah ini hendaklah memberi tafsiran kepada pemakaian APS 2009 secara 'purposive approach' dengan menterjemah kehendak peruntukan Akta itu seperti diniatkan oleh Parlimen: *United Hokkien Cemetries, Penang v The Board, Majlis Perbandaran Pulau Pinang* [1979] 2 MLJ 121;

(e) pihak pendakwaan sebenarnya berniat mengguna pakai peruntukan APS 2009 kerana mahukan keterangan saksi pengadu 'Awang' dan keterangan seorang lagi saksi awam bernama Haniff dibuat secara 'video link', sedangkan tiada peruntukan sedemikian dalam APS 2009. Adalah jelas bahawa APS 2009 tidak terpakai bagi maksud pemberian keterangan oleh saksi pihak pendakwaan, seperti diputuskan oleh Stephen Chung Hian Guan HMT dalam kes *Public Prosecutor v Atik Hussin bin Abu Bakar and other cases* [2016] MLJU 968; [2017] 1 SSLR 197:

> This Act establishes a programme for the protection of witnesses before and after giving evidence on behalf of the prosecution in criminal proceedings ... That Act governs and regulates the witness protection programme outside of the court. However, in court, witnesses come under the purview and control of the court. Whether a witness is to be made a protected witness or whether he is a protected witness when giving evidence in court either under SOSMA, CJA or CPC is at the discretion of the presiding judge during the trial. ...

(f) maka, tindakan pihak pendakwaan yang memaklumkan HMS bahawa pihak pendakwaan bercadang menggunakan APS 2009 bagi maksud membolehkan saksi-saksi yang disebutkan untuk memberi keterangan secara 'video link' bukan sahaja tidak diperuntukkan dalam APS 2009, tetapi tidak pernah berlaku bagi seseorang yang dipertuduhkan bagi kesalahan di bawah s 376 Kanun Keseksaan seperti pemohon, dan menimbulkan suatu ketakdilan kepada pemohon dan bercanggah dengan haknya seperti termaktub di bawah Perlembagaan Persekutuan: *Lee Kwan Woh v Public Prosecutor* [2009] 5 MLJ 301;

(g) terdapat kemungkinan tindakan pendaftar perlindungan saksi akan dibangkitkan, yang melibatkan isu Perlembagaan Persekutuan, yang menghendaki keputusan Mahkamah Tinggi agar ia boleh diputuskan secara muktamad oleh Mahkamah Persekutuan;

(h) mahkamah ini mempunyai kuasa secara eksklusif di bawah ss 138, 177, 417 KTJ dan s 25 dan perenggan 12 Jadual kepada Akta Mahkamah Kehakiman 1964 untuk membenarkan permohonan ini: *Public Prosecutor v Dato' Yap Peng* [1987] 2 MLJ 311;

(i) demi kepentingan keadilan kepada pemohon, dengan mengambil kira kedudukan pemohon sebagai seorang Ahli Exco Kerajaan Negeri Perak, serta keputusan mahkamah dalam kes-kes terkini berkaitan permohonan yang sama yang melibatkan Mantan Perdana Menteri

Dato' Seri Najib Hj Abdul Razak, isteri Mantan Perdana Menteri Datin Seri Rosmah Mansor serta Mantan Timbalan Perdana Menteri Dato' Seri Ahmad Zahid Hamidi, mahkamah ini wajar membenarkan permohonan ini menurut peruntukan s 417(1)(e) KTJ. Malah, liputan media dan perhatian umum melibatkan pemohon adalah lebih kerana pemohon merupakan seorang yang masih memegang jawatan sebagai Ahli Exco Kerajaan Negeri berbanding mereka yang disebutkan awal tadi yang tidak lagi memegang jawatan masing-masing, dan ini menguatkan hujah bahawa hak pemohon perlu dilindungi: *Dato' Sri Mohd Najib bin Hj Abdul Razak v Public Prosecutor* [2019] 5 MLJ 44; [2019] 8 CLJ 293;

(j) mahkamah ini juga wajar mengambil kira faktor bahawa pegangan kerusi oleh ahli-ahli Dewan Undang Negeri Perak dari Pakatan Harapan yang memegang tampuk Kerajaan Negeri Perak waktu ini adalah pada kadar komposisi 29/59. Apa yang terjadi kepada pemohon dalam kes ini kelak akan memberi kesan dan impak besar kepada Kerajaan Negeri Perak sedia ada; dan

(k) andainya kes ini didengar di hadapan HMS, isu-isu perundangan rumit yang dibangkitkan dan diputuskan oleh HMS kelak akan pastinya melalui proses rayuan ke Mahkamah Tinggi dan melambatkan pelupusan kes pemohon.

[14] TPR tidak mengemukakan sebarang hujahan bertulis dan dalam hujahan lisannya yang ringkas menyatakan yang berikut:

(a) pihak pendakwaan setuju dengan alasan-alasan bagi menyokong permohonan pemohon;

(b) mahkamah ini perlu mengambil kira kedudukan pemohon selaku seorang Ahli Exco serta kesan kes terhadap pemohon kepada Pentadbiran Kerajaan Negeri Perak;

(c) mahkamah mempunyai budibicara untuk membenarkan permohonan ini;

(d) jika kes terhadap pemohon dibicarakan di Mahkamah Tinggi, ia akan mengurangkan masa kerana segala isu yang dibangkitkan oleh pihak-pihak akan terus dibuat keputusan oleh Mahkamah Tinggi;

(e) namun demikian, isu penggunaan APS 2009 merupakan isu berkaitan merit perbicaraan. APS 2009 bukanlah suatu isu undang-undang yang kompleks dan APS 2009 juga tidak menyebut bahawa ia hanya boleh digunakan bagi kes-kes melibatkan isu keselamatan semata-mata; dan

(f) keterangan saksi-saksi yang berkenaan akan dibuat secara *in camera* menurut s 265A KTJ, dan bukannya menurut APS 2009.

A DAPATAN

[15] Perlu dinyatakan dengan jelas bahawa permohonan pemohon di kandungan 1 yang dibuat di bawah s 417 KTJ adalah untuk mahkamah ini memutuskan sama ada atau tidak akan memindahkan kes pemohon, Perbicaraan Jenayah No AA-61JS-1–08 Tahun 2019, dari mahkamah sesyen ke Mahkamah Tinggi, menurut peruntukan sub-s 417(1)(cc) dan (2), dan bukannya suatu permohonan untuk membicarakan serta memutuskan secara merit bahawa ketiga-tiga isu perundangan yang dikatakan terlalu rumit itu untuk ditafsirkan dan diputuskan oleh Mahkamah Tinggi.

[16] Mahkamah ini seterusnya memutuskan memandangkan tiada peruntukan undang-undang, dan tiada pula ditunjukkan kepada mahkamah ini mana-mana keputusan mahkamah yang terdahulu, terutamanya keputusan Mahkamah Rayuan atau Mahkamah Persekutuan, yang menyatakan bahawa mahkamah ini perlu membenarkan permohonan sebegini apabila kedua-dua pihak mencapai persetujuan, maka mahkamah ini perlu meneliti merit permohonan ini dan membuat keputusan sewajarnya menurut kuasa yang diberikan kepada saya di bawah s 417 KTJ, walaupun pihak pendakwaan tidak membantah dan menyokong permohonan pemohon.

PRINSIP TERPAKAI

[17] Prinsip yang terpakai dalam sesuatu permohonan pemindahan kes jenayah dari mahkamah rendah ke Mahkamah Tinggi adalah seperti diputuskan oleh banyak kes terdahulu, iaitu ia merupakan suatu kuasa kehakiman yang perlu diputuskan 'judicially', yang hanya boleh dilaksanakan berasaskan kehendak-kehendak khusus yang dinyatakan dalam s 417 KTJ dan bukannya berasaskan sebab musabab yang tidak relevan di sisi undang-undang.

[18] Prinsip ini diputuskan dalam kes *Public Prosecutor v Dato' Yap Peng* [1987] 2 MLJ 311; [1987] 1 CLJ 550, yang juga dirujuk dalam hujahan bertulis peguam pemohon. Mahkamah Agung dalam kes itu mengendalikan isu keperlembagaan (*constitutionality*) s 418A KTJ. Namun disebabkan salingkait antara s 418A dengan s 417, saya petik perenggan berkaitan s 417 yang diputuskan oleh Mahkamah Agung yang terpakai bagi maksud permohonan di hadapan saya ini. Mohd Azmi HMA (pada waktu itu) ketika membacakan keputusan majoriti Mahkamah Agung menyatakan:

> First, historically the power to transfer pending criminal cases in the subordinate courts to the High Court for trial has always been vested in and exercisable solely by the court under ss 417 and 418 of the CPC, both before and after Merdeka Day. The position remained so until the Criminal Procedure Code was amended by Parliament vide Act A324 which with effect from 10 January 1976 substituted s 417

with an amended provision and also introduced the new s 418A which not only extends the power of transfer of the public prosecutor but also gives him unfettered discretion and therefore wider power than the High Court, to remove pending cases from the subordinate courts. In particular, s 417 both in its original and substituted from limits the power of the High Court to transfer only in cases where it is satisfied that:

> 17(a) a fair and impartial inquiry or trial cannot be had in any criminal Court subordinate thereto; or
>
> (b) some question of law of unusual difficulty is likely to arise; or
>
> (c) a view of the place in or near which any offence has been committed may be required for the satisfactory inquiry into or trial of the same; or
>
> (d) an order under this section will tend to the general convenience of the parties or witnesses; or
>
> (e) such an order is expedient for the ends of justice, or is required by any provision of this Code.

On Merdeka Day s 417 recognises the principle that the power to transfer a case at any stage before its conclusion before a court of competent jurisdiction is a judicial power, and that such power can only be exercised on some defined basis to ensure that a case is a proper one to be transferred from a subordinate court to the High Court. The adjudication of such matter in compliance with the rule of law and the rule of natural justice must surely be left entirely in the hands of the judiciary.

[19] Hashim Yeop Sani HMA (pada ketika itu) walaupun memberi keputusan minoriti (bersama Salleh Abah KHN (pada ketika itu)) berkaitan keperlembagaan s 418A KTJ, telah bersetuju dengan keputusan majoriti Mahkamah Agung mengenai tatacara pelaksaanaan kuasa Mahkamah Tinggi di bawah s 417 KTJ sebegini:

> ... It seems to me that the power to 'transfer' per se is not judicial power and in the context of our Constitution and federal law it is a neutral subject. It can be made into judicial power by law ... Thus in s 417 of the CPC the power of transfer has been made into a judicial power in that the court must upon application decide judicially on the transfer.

[20] Dalam kes *Dato' Sri Mohd Najib Hj Abdul Razak v Public Prosecutor* [2019] 5 CLJ 293, yang juga dirujuk dalam hujahan bertulis peguam pemohon, Mahkamah Persekutuan memutuskan sebegini:

> [46] The purpose or object of s 417(1) of the CPC is to ensure that a transfer order is made by the High Court when an application is made by any of the parties entitled to apply under s 417(2) on the basis of the transfer under s 417(1)(a)–(e) and the types of order that may be made under s 417(1) (aa)–(cc).
>
> It is to be noted that the threshold is very low by virtue of the language used in s

417(1) in that 'when it appears to the High Court as opposed to' if the Court is satisfied'.

[21] Adalah dapatan mahkamah ini bahawa terdapat empat prinsip yang boleh difahami dari *high authority* dalam kedua-dua kes yang tersebut di atas, yakni:

(i) kuasa untuk membuat keputusan bagi permohonan pemohon di kandungan 1 adalah merupakan kuasa dan budibicara mahkamah ini sepenuhnya;

(ii) pelaksanaan kuasa kehakiman tersebut bukanlah tanpa batas. Ia hendaklah dilaksanakan menurut ruang lingkup dan ketetapan yang dinyatakan dalam sub-s 417(1) KTJ sahaja;

(iii) perkara-perkara yang tidak relevan dan tidak dinyatakan dalam sub-s 417(1) hendaklah tidak diambil kira dalam pelaksanaan kuasa kehakiman tersebut; dan

(iv) walaupun pihak pendakwaan bersetuju dengan permohonan pemohon, dan seolah-olah dihadapan mahkamah sekarang ialah permohonan oleh kedua-dua pihak untuk memindah kes pemohon ke Mahkamah Tinggi, kuasa dan budibicara mahkamah seperti dinyatakan di perenggan (i) adalah tidak terkesan dan 'remain intact'.

ISU UNDANG-UNDANG RUMIT — S 417(1)(b)

[22] Perkara utama yang perlu diputuskan dalam suatu permohonan pemindahan menurut s 417(1)(b) ialah keperluan mahkamah ini untuk melihat ke hadapan, menjangka dan menduga apakah akan wujud persoalan undang-undang yang luarbiasa kesukarannya pada masa hadapan apabila kes Pemohon dikendalikan di hadapan HMS. Inilah kehendak khusus s 417(1)(b) yang menggunakan frasa '... question of law of unusual difficulty is likely to arise'.

[23] Bermakna, mahkamah ini semasa mempertimbangkan permohonan pemohon di bawah peruntukan ini mesti mempunyai suatu 'anticipatory mind' untuk melihat, setelah mengambilkira semua fakta dan dokumen di hadapannya, adakah persoalan undang-undang yang dikatakan oleh pihak pemohon sebagai luarbiasa kesukarannya itu akan berbangkit di masa hadapan. Seterusnya, mahkamah ini perlu juga membuat dapatan jika jawapan kepada persoalan itu adalah negatif, maka permohonan pemohon di bawah peruntukan ini bolehlah ditolak. Sebaliknya, jika jawapan kepada persoalan itu adalah afirmatif, maka adakah HMS yang mengendalikan kes pemohon dapat meleraikan dan memutuskan dengan adil dan saksama persoalan undang-undang yang dikatakan luarbiasa kesukarannya itu.

[24] Mahkamah ini mendapati jawapan kepada persoalan ini adalah negatif. A

[25] Saya merujuk dan mengguna pakai prinsip yang terkandung dalam keputusan Hakim KC Vohrah dalam kes *Public Prosecutor v Dato Kee Yong Wee & Ors* [1988] 2 MLJ 198; [1987] 2 CLJ 329. B

[26] Dalam kes *Dato Kee Yong Wee* ini, permohonan pemindahan dibuat oleh pihak pendakwaan, namun asas permohonan adalah sama dengan asas-asas permohonan di hadapan saya, iaitu supaya kes yang dijadualkan di mahkamah sesyen dipindahkan ke Mahkamah Tinggi menurut s 417(1)(cc) dan (2), atas dua alasan iaitu 'it is likely that there would arise some questions of law of unusual complexity during the course of trial' di bawah s 417(1)(b) dan 'expedient for the ends of justice' di bawah s 417(1)(e). Dalam kes tersebut, 'ends of justice' merupakan alasan utama manakala 'question of law of unusual difficulty' adalah alasan sampingan. C D

[27] Keputusan Hakim KC Vohrah adalah sebegini:

> The main ground relied upon by the deputy public prosecutor, Mr Gooi, for the transfer is that specified in para (e) of s 417(1) — that such 'an order is expedient for the ends of justice'. E
>
> The other ground, which Mr Gooi termed as a complementary ground, is that it is likely that there would arise some questions of law of unusual complexity during the course of the trial but he conceded he was not pursuing this ground vigorously.
>
> I shall deal with this ground first (some questions of law of unusual complexity). There are two charges for offences of criminal breach of trust under s 409 of the Penal Code and charge for abetment of an offence of criminal breach of trust. F

[28] Dengan merujuk dan menerimapakai sepenuhnya keputusan hakim Mahkamah Tinggi Singapura Coomaraswamy J dalam kes *Lin v Public Prosecutor* [1987] 1 MLJ 106; [1987] CLJ Rep 1104, Hakim KC Vohrah seterusnya memutuskan: G

> He (Coomaraswamy J) noted that the provisions in India and in the Straits Settlement for transfer of case on ground of some question of law of unusual difficulty arising was to cater for the past era where judicial officers who were supposed to hear certain difficult cases were either not legally qualified or were inexperienced to deal with them and could hardly have been expected to deal with intricate points of law. ... H
>
> > ... In the light of the decisions I have referred to, for provisions of s 184(1)(b) to be successfully invoked today the case must be an extraordinary one and I find it extremely difficult to think of one. For the historical reasons I have stated, and, given the qualifications of District Judge and the more senior magistrates, I am of the firm view that for all practical purposes and intents, para (b) of s 184(1) has fallen into desuetude and obsolescene for transfer of cases to the High Court. I

A Our Sessions Court Judges like their Singapore counterparts in the District Courts are either barristers or otherwise have other recognised legal qualifications. And under our present system generally our Sessions Court Judges do not have less than 7 years' standing in the judicial and legal service.

B **[29]** Hakim KC Vohrah seterusnya memutuskan untuk menolak alasan untuk memindah kes dari mahkamah sesyen ke Mahkamah Tinggi menurut s 417(1)(e) setelah bersetuju dengan dapatan dan prinsip undang-undang yang diputuskan oleh mahkamah-mahkamah India dan Singapura setelah berpuashati bahawa para hakim mahkamah sesyen di Malaysia adalah layak C untuk mendengar kes-kes yang dibawa ke hadapan mereka untuk dibicarakan. Bukan sahaja para hakim mahkamah sesyen layak dan berpengalaman untuk membicarakan pertuduhan dalam kes di hadapan mereka, tetapi juga mengendalikan serta membuat keputusan mengenai isu-isu yang dibangkitkan oleh pihak-pihak di hadapan mereka bersangkutan kes yang dibicarakan. Atas D prinsip inilah maka sebenarnya konsep 'unusual difficulty or complex question or issue of law that is likely to arise' merupakan suatu konsep yang dianggap 'desuetude and obsolescene'.

E **[30]** Ini tidak bermakna mahkamah ini memutuskan bahawa tiada isu undang-undang yang kompleks yang akan timbul di hadapan mahkamah. Tetapi mahkamah ini memutuskan bahawa takat atau ambang atau *threshold* bagi menentukan 'question of law of unusual difficulty is likely to arise' yang dinyatakan dalam s 417(1)(b) KTJ amat sukar untuk dipenuhi dan jarang sekali dapat dipenuhi, kecuali dapat ditunjukkan kepada mahkamah bahawa F isu undang-undang yang dijangka akan dibangkitkan di mahkamah di bawah adalah luarbiasa kerumitannya, setelah mengambilkira segala faktor. Mahkamah ini mengguna pakai prinsip yang diputuskan oleh Mahkamah Persekutuan dalam kes *Dato' Seri Najib Hj Abdul Razak v Public Prosecutor* bahawa:

G

... the threshold is very low by virtue of the language used in s 417(1) in that 'when it appears to the High Court as opposed to' if the court is satisfied.

[31] Walaupun 'threshold' bagi sesuatu permohonan di bawah s 417(1) KTJ H adalah rendah, ini tidak bermakna mahkamah dengan sewenang-wenangnya menganggap dan menerima isu yang dibangkitkan oleh pemohon sebagai isu undang-undang yang tinggi tahap kerumitannya. 'The moment it appears to this Court' bahawa isu tersebut bukanlah isu undang-undang yang rumit, maka permohonan itu tidak boleh dibenarkan.

I

[32] Mahkamah ini sedia maklum isu undang-undang yang sukar dan kompleks yang dbangkitkan oleh pemohon bukan berkaitan pertuduhan di bawah s 376 Kanun Keseksaan yang dihadapi oleh pemohon. Ia berkaitan kerumitan isu undang-undang yang dijangka oleh pihak pemohon akan

berbangkit seperti pemakaian APS 2009, kedudukan YB Leong Cheok Keng untuk mewakili pemohon serta isu berkaitan Perlembagaan Persekutuan yang dijangka akan timbul.

[33] Malah, jikapun terdapat sesuatu isu undang-undang yang dikatakan sukar untuk dikendalikan oleh HMS tersebut, KC Vohrah dalam keputusannya dalam kes *Dato Kee Yong Wee* telah menjelaskan bahawa kesukaran itu hendaklah ditangani sebegini:

> If indeed there should really be questions of law of unusual difficulty then the prosecution and defence are enjoined to do what they normally do in any case in any court, to clearly define and argue the issues fully and exhaustively before the court.

[34] Mengikut pengamatan mahkamah ini (*it appears to this court*) bahawa isu undang-undang yang dijangka akan timbul semasa perbicaraan pemohon di hadapan HMS bukanlah luarbiasa kepayahannya. Ia tidak mematuhi kehendak s 417(1)(b) KTJ dan tidak membolehkan mahkamah ini mengguna pakai kuasa di bawah sub-s 417(1)(cc) dan (2) KTJ untuk mahkamah ini memindahkan kes pemohon ke Mahkamah Tinggi.

KEPERLUAN PELAKSANAAN KEADILAN: S 417(1)(e) KTJ

[35] Bagi alasan kedua iaitu keperluan pelaksanan keadilan, sekali lagi saya rujuk kepada prinsip yang diputuskan oleh Hakim KC Vohrah dalam kes *Public Prosecutor v Dato Kee Yong Wee*. Hakim KC Vohrah telah mengupas dengan mendalam peruntukan undang-undang berkaitan perbankan serta isu-isu yang dijangka akan dibangkitkan yang dikatakan kompleks dan rumit dalam kes tersebut. Namun jelas dalam keadaan sedemikian juga Hakim KC Vohrah merumuskan bahawa tiada sebab kenapa hakim mahkamah sesyen dikatakan tiada kecekapan dan pengetahuan undang-undang untuk meleraikan serta memutuskan isu-isu yang dijangka berbangkit secara adil dan saksama. Ini bermakna keadilan akan dapat dinikmati sepenuhnya oleh pemohon tanpa perlu kesnya dipindahkan ke Mahkamah Tinggi yang menyebabkan permohonan pemohon dalam kes itu di bawah s 417(1)(e) KTJ juga ditolak.

[36] Peguam pemohon merujuk kepada keputusan Mahkamah Persekutuan dalam kes *Dato' Sri Najib Hj Abd Razak v Public Prosecutor* dan berhujah bahawa Mahkamah Persekutuan telah mengesahkan keputusan hakim Mahkamah Tinggi untuk meminda kes tersebut atas alasan keperluan menentukan pelaksanaan keadilan, setelah Mahkamah Persekutuan mengambil kira faktor:

> (i) this case has generated so much public interest locally as well as internationally;

(ii) there is no prejudice or injustice caused to the accused as there has been no changes to the proceedings at all other than the transfer.

[37] Atas alasan itu, peguam pemohon berhujah bahawa mahkamah ini perlu mengambil kira kedudukan pemohon dalam memutuskan sebagai salah satu faktor utama bagi kepentingan keadilan dicapai untuk kes pemohon dipindahkan ke Mahkamah Tinggi.

[38] Dalam hal ini, mahkamah ini dapati perbezaan utama fakta dalam kes *Dato' Sri Najib Hj Abd Razak v Public Prosecutor* tersebut dengan fakta kes di hadapan saya ini ialah bahawa pemindahan dalam kes tersebut adalah antara suatu Mahkamah Tinggi ke suatu Mahkamah Tinggi lain, merupakan suatu pemindahan atas inisiatif Hakim Mahkamah Tinggi berkenaan sendiri (*suo moto*), atas beberapa faktor termasuklah tujuan kepentingan keadilan.

[39] Setelah meneliti alasan-alasan yang diberikan oleh hakim Mahkamah Tinggi berkenaan serta faktor-faktor pemindahan tersebut, Mahkamah Persekutuan telah mengesahkan keputusan hakim Mahkamah Tinggi tersebut sebegini:

> [50] The learned High Court judge transferred the cases to the same High Court instead of going to the new case registration route as it appeared to him that such an order is expedient in the ends of justice premised on the following considerations:
>
> (i) There were three contested applications on the seven charges one of which is the basis of the present appeal. There have been case management sessions, various issues had been raised and considered and trial dates have been fixed to begin on 12 February 2019,
>
> (ii) The accused applied for a transfer to the High Court under the same provision in other charges,
>
> (iii) This case has generated so much public interest locally as well as internationally,
>
> (iv) The issuance of the certificates under s 418A of the CPC and s 60 of the MACC Act were never objected by the accused when he was first charged,
>
> (v) There is no prejudice or injustice caused to the accused as there has been no changes to the proceeding at all other than the transfer,
>
> (vi) Parties should have been ready for the trial which ought to have begun in less than one week after the proceeding in the High Court. The prosecution has also complied with s 51A in the delivery of documents that they intend to tender. Trial date was fixed seven months ago.
>
> [55] The learned High Court judge further stated that it is expedient in the end of justice to transfer the seven charges on the court's own initiative as the charges might be registered in a different High Court had they gone through the registration route which means a new trial date would have to be fixed depending on the court's

available dates whereas the dates have been fixed in the present High Court several months back in August 2018. This would further delay the proceedings which would be against public interest due to the seriousness of the cases.

[56] We see no error on the part of the learned judge in exercising his discretion in the manner that he did. He did not take into irrelevant considerations. Appellate courts generally do not disturb the manner in which a judge exercises his discretion unless there is a blatant error. Here, there was no such blatant error. In fact, the contrary is true. The discretion had been exercised judicially. It is in the public interest as well as the interest of the accused that criminal cases are to be disposed of expeditiously by the courts.

[40] Jelas sekali 'public interest' yang disebutkan oleh Mahkamah Persekutuan bukanlah merujuk kepada kedudukan Dato' Sri Najib Hj Abd Razak sebagai Mantan Perdana Menteri semata-mata, tetapi berdasarkan keperluan keadilan setelah meneliti pelbagai faktor khusus yang terpakai dalam konteks kes tersebut serta untuk memastikan kes tersebut tidak bermula lewat, selain mengambil kira keseriusan pertuduhan-pertuduhan terhadap Dato' Sri Najib. Semua faktor sedemikian tidak wujud dalam konteks kes pemohon dan 'the expediency(ies) to meet the ends of justice' seperti diperuntukkan dalam s 417(e) KTJ gagal ditunjukkan oleh pemohon untuk membolehkan mahkamah ini membenarkan permohonannya.

AKTA PERLINDUNGAN SAKSI 2009

[41] Walaupun isu mengenai APS 2009 ini merupakan isu merit yang tidak perlu diputuskan oleh mahkamah pada peringkat ini, namun disebabkan ia telah dirujuk oleh pihak pemohon secara khusus, maka perlulah mahkamah ini membuat dapatan secara ringkas mengenainya.

[42] Walaupun peguam pemohon merujuk kepada Penyata/*Hansard* Parlimen sewaktu Rang Undang-Undang Perlindungan Saksi 2009 ('RUUPS') dibentangkan di Parlimen, namun Penyata Parlimen sepenuhnya tidak dikemukakan kepada mahkamah. Namun saya telah membuat penyelidikan sendiri dan telah membaca penyata tersebut sepenuhnya.

[43] Bahagian berkenaan dalam Penyata Parlimen bertarikh 23 Mac 2009, semasa RUUPS dibentangkan oleh Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, Mantan Menteri di Jabatan Perdana Menteri untuk bacaan kali kedua adalah sebegini:

Di halaman 33:

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan rang undang-undang bernama suatu akta untuk mewujudkan satu program bagi perlindungan saksi dan bagi perkaraperkara lain yang berkaitan dengannya dibacakan bagi kali kedua sekarang. Tuan Yang diPertua, *undang-undang khas mengenai*

perlindungan saksi perlu diwujudkan di negara ini sebagai langkah persediaan menangani gejala ugutan dan ancaman yang keterlaluan kepada saksi penting dalam sesuatu kes jenayah berat. Ini berdasarkan kepada maklumat dan laporan bahawa telah wujud unsur ugutan dan ancaman terhadap saksi terutamanya di dalam kes jenayah terancang. Rang undang-undang ini adalah perlu memandangkan ia boleh membantu pelancaran proses pengadilan yang dijalankan di mahkamah. Ia juga memperlihatkan Malaysia sebagai negara yang menitik beratkan aspek perlindungan terhadap saksi-saksi utama yang bersedia untuk tampil memberikan keterangan di mahkamah. Bagi maksud ini rang undang-undang bernama suatu akta untuk mewujudkan suatu program bagi perlindungan saksi dan bagi perkara-perkara lain yang berkaitan dengannya perlulah diadakan. (Penekanan ditambah.)

Di halaman 59:

Tuan Yang di-Pertua, bagi warga asing, saya kira dalam rang undang-undang ini tidak sebut untuk kita hendak lawan jenayah. *Kita tidak kiralah sama ada dia ini adalah warganegara ataupun tidak, tetapi kalau dia merupakan satu saksi yang penting, kita kena ambil kira bahawa perlindungan itu mesti diberi kepada dia walaupun dia warga asing kerana yang kita hendak lawan ini satu jenayah yang berat yang besar dan tanpa kita memberi jaminan, melindungi dia, maka sudah tentu kita tidak akan dapat melawan jenayah besar seperti human trafficking dan lain-lain lagi.* Mana-mana saksi adalah layak untuk dipertimbangkan untuk dimasukkan dalam program perlindungan saksi. Selagi saksi ini termasuk dalam takrif saksi di bawah fasal 2 dan sebelum dipertimbangkan ke program ini, terdapat beberapa faktor yang perlu dipertimbangkan oleh Ketua Pengarah, sebelum seseorang saksi itu dimasukkan ke dalam program ini, jadi kalau jawapannya warga asing pun kita beri perlindungan. Yang Berhormat Batu Pahat juga bertanya, sampai bila saksi akan dilindungi? Selagi terdapat ancaman terhadap saksi yang dimasukkan dalam program, beliau akan dilindungi, dan perlindungan boleh ditamatkan jika hal keadaan yang menimbulkan keperluan bagi perlindungan tidak wujud lagi. Jadi dia akan diberi perlindungan selagi ada ancaman terhadap keselamatan saksi itu. (Penekanan ditambah.)

Di halaman 61:

Yang Berhormat Telok Intan mahu tahu sama ada rang undang-undang terpakai bagi kes-kes sivil yang berprofil tinggi. Perlindungan boleh diberikan di bawah perenggan (d) takrif saksi. Rang undang-undang ini terpakai bagi kes sivil selagi takrif saksi di bawah fasal 2 rang undang-undang ini terpakai. Yang Berhormat Telok Intan okey ya. Boleh pakai fasal dalam perenggan (d) ia kata and others bermakna boleh pakai untuk kes-kes sivil. (Penekanan ditambah.)

[44] Jelas sekali prinsip-prinsip utama Akta ini seperti dinyatakan oleh YB Dato' Seri Nazri Aziz di Parlimen bukan hanya khusus untuk sesuatu kes tertentu sebagaimana yang dihujahkan oleh peguam pemohon.

TIADA PREJUDIS KEPADA RESPONDEN

[45] Mahkamah ini bersetuju jika permohonan pemohon ini dibenarkan ia tidak menimbulkan sebarang prejudis kepada pihak pendakwaan, terutamanya apabila pihak pendakwaan sendiri menukar pendiriannya untuk tidak membantah permohonan ini. Namun faktor ini semata-mata tidak boleh membuatkan mahkamah ini memutuskan untuk membenarkan permohonan ini. Selain itu, tiada peruntukan dalam s 417 KTJ yang membenarkan mahkamah ini membenarkan permohonan ini atas alasan ini semata-mata.

PERKARA-PERKARA YANG TIDAK RELEVAN BAGI MENYOKONG PERMOHONAN

[46] Mahkamah ini memutuskan bahawa isu yang dibangkitkan oleh pihak pemohon bagi menyokong permohonannya yang bukan merupakan isu undang-undang seperti isu mengenai kedudukan dan bilangan kerusi Pakatan Harapan di Dewan Undangan Negeri Perak dan fakta bahawa pemohon ialah seorang Ahli Exco Kerajaan Negeri Perak merupakan isu yang tidak wajar dan tidak relevan dibangkitkan di hadapan mahkamah ini sebagai alasan bagi menyokong permohonan ini. Begitu juga isu substantif mengenai pemakaian dan tafsiran APS 2009, termasuk sama ada mahkamah ini perlu menggunakan 'purposive approach' atau selainnya dalam membuat tafsiran mengenai APS 2009 seperti disarankan dalam hujahan peguam pemohon bukanlah isu yang perlu diputuskan oleh mahkamah ini dalam permohonan ini. Seperti yang telah dinyatakan dalam perenggan di atas, ini adalah suatu permohonan memindahkan kes pemohon ke Mahkamah Tinggi, dan bukannya suatu permohonan untuk mahkamah ini membicarakan ketiga-tiga isu perundangan yang dikatakan terlalu rumit itu untuk ditafsirkan dan diputuskan secara meritnya.

PENUTUP

[47] Atas segala alasan yang saya sebutkan, saya dapati tiada sebab untuk mahkamah ini membenarkan permohonan ini. Permohonan ini ditolak dan kes ini diarahkan untuk didengar semula di hadapan HMS yang berkenaan.

Permohonan ditolak dan kes diarahkan didengar semula di hadapan hakim mahkamah sesyen.

Dilaporkan oleh Nabilah Syahida Abdullah Salleh